

Banjir kilat di Besut, Jerteh

Oleh **MUSTAPA LAKAWA**

mustapa.lakawa@kosmo.com.my

KUALA TERENGGANU – Hujan lebat berterusan sejak kelmarin menyebabkan beberapa buah kampung di sekitar daerah Besut dan Jerteh dilanda banjir kilat.

Turut ditenggelami air sedalam hampir 0.5 meter adalah beberapa buah sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Pasir Akar, Hulu Besut, SK Tanah Merah dan SK Bukit Puteri, Jerteh, SK Gong Bayor di kawasan Raja dan SK Kampung Nangka, Kuala Besut.

Menurut Bilik Gerakan Banjir

Besut, 40 penduduk daripada 10 keluarga di Kampung Dalam Umar, Tok Renek dipindahkan ke Balai Raya Renek dan SK Anak Ikan, Jabi.

Mereka bagaimanapun dibenarkan pulang tengah hari semalam setelah air mula surut tetapi lapan penduduk daripada empat keluarga masih ditempatkan di Surau Kampung Bunga, Kuala Besut selepas rumah mereka yang terletak di kawasan pantai terdedah kepada angin kuat.

Banjir kilat itu juga menyebabkan beberapa jalan utama ditutup melibatkan daerah Jerteh ke Bu-

kit Payong di Hulu Besut apabila ditenggelami air sedalam satu meter.

Bacaan paras air di Sungai Besut dan Sungai Setiu berada pada paras berjaga-jaga.

Dalam pada itu, Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri bersiap sedia menghadapi kemungkinan banjir.

Setiausaha Keselamatan Negeri, Mohd. Tarmizi Dan berkata, pihaknya telah menyediakan sebanyak 123 pusat pangkalan hadapan dan 334 pusat pemindahan yang dapat menampung hampir 50,000 mangsa banjir.



BEBERAPA orang murid Sekolah Kebangsaan Bukit Puteri mengharungi air banjir selepas tamat sesi persekolahan di Jerteh semalam.